

30 JAN 1996

EPZ M'ASIA-VIETNAM BERMULA DENGAN BAIK

Oleh: Abdul Rachman Nordin

HANOI, 30 Jan (Bernama) -- "EPZ akan berjaya! kerana ia menggabungkan kepakaran EPZ Malaysia, salah satu yang paling berjaya di dunia dan sumber dari Wilayah Quangnam-Danang."

Itu adalah di antara perkara yang memberikan keyakinan pada tahun 1996 bagi pemaju Zon Pemprosesan Eksport Danang (EPZ) di Vietnam tengah, apabila para pemerhati memuji kemajuan zon tersebut sejak 27 bulan lalu, setelah diberikan lesen untuk beroperasi.

"Dengan kedatangan Tan Chong dan Petronas di Dung Quat, kami hanya dapat meramalkan langit yang cerah dan hari-hari yang mengembirakan bagi syarikat dan rakyat Danang," kata Mejar (Bersara) Thomas Oh hari ini.

Oh, Ketua Pengarah EPZ Massda Joint Venture Corporation, merujuk kepada pengumuman Tan Chong Motor Holdings tahun lepas bahawa ia akan memiliki 55 peratus ekuiti dalam usaha sama pembuatan kereta yang bernilai RM137.5 juta di sana.

Berkaitan dengan Dung Quat, beliau menyatakan berkaitan dengan kilang penapisan minyak pertama Vietnam, sekitar 130 km ke selatan EPZ Danang, di mana syarikat minyak kebangsaan Malaysia akan memegang 30 peratus, dalam satu usaha sama dengan Conoco dari Amerika.

Oh, adalah Ketua Pengarah ketiga perbadanan itu sejak ia diberikan lesen pada 21 Okt 1993 dalam usaha sama berharga RM60 juta, antara konsortium Malaysia South-South Corporation dan Jawatankuasa Rakyat Quangnam-Danang.

Kerja-kerja tanah bagi EPZ seluas 120-ha itu bermula Mei tahun lepas dan kerja-kerja prasarana dijangka siap menjelang Ogos.

Tidak dapat dinafikan segala pujian terhadap kemajuan EPZ tidak lengkap jika tidak menyebut nama Sivico, syarikat yang membuat lilin perhiasan, kerana ia adalah satu-satunya syarikat asing di sana pada masa ini.

Sivico, nama singkatan bagi Sinaran-Vietnam Company Ltd, akan mendapat lesen pelaburan keduanya bulan depan untuk menambah jumlah pelaburannya menjadi empat kali ganda. Sinaran berasal dari Sungai Petani, Kedah.

Pada 7 Feb, lesen kedua akan diberikan kepada Sivico untuk menambah modal pelaburannya daripada AS\$1.5 juta (RM3.75 juta) kepada AS\$5.9 juta (RM14.75 juta).

"Ini amat menggalakkan kepada pentadbiran wilayah Quangnam-Danang dan ia mencerminkan iklim pelaburan yang baik di Danang tengah," kata Oh.

Manakala para pelabur yang bercadang untuk melabur di Vietnam merungut kerana birokrasi, Oh menyatakan Sivico telah membuktikan ia tidak benar.

Mengikut Oh, Sivico telah menubuhkan kilangnya pada awal 1995, memulakan operasi dalam bulan Mei dan mengeluarkan produknya yang pertama dalam bulan yang sama.

Antara Jun dan Disember tahun lepas, Sivico mengeksport sekitar AS\$900,000 (RM2.25 juta) produk dan mengunjurkan akan menjual AS\$5 juta lagi (RM12.5 juta) tahun ini.

Sesungguhnya EPZ Danang adalah buah fikiran Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Vietnam Vo Van Kiet, berikutan lawatan Perdana Menteri Malaysia itu ke Vietnam dalam tahun 1992, kata Oh.

"Sekali lagi pandangan jauh Dr Mahathir telah menjadi kenyataan, walaupun di tempat yang jauh seperti Danang," kata beliau. -- BERNAMA